

KEBERKESANAN KELAS AGAMA DI MASJID DAERAH HULU LANGAT SELANGOR

Oleh:

Fakhrul Adabi Abdul Kadir*

Abstract

The role of mosque as a centre of studies cannot be denied. Hence, most of the mosques in Malaysia have organised religious class programmes as their main activities. These efforts are their contributions in developing quality society and knowledgeable persons. This study aims to identify how far the religious classes set up by the mosques at the District of Hulu Langat Selangor Darul Ehsan be capable of enhancing knowledge and practice of those who attended the classes. The methodology of collecting datas used in this study are questionnaire, interview and observation. Based on the findings, several opinions have been made and the most important point is that it is hoped all parties concerned with the programmes can build an excellent relationship in the future.

PENDAHULUAN

Sejarah pengajaran dalam Islam membuktikan bahawa pengajaran di masjid mempunyai hubungan yang erat dengan pembangunan individu Muslim dan masyarakat. Ini kerana institusi masjid telah dijadikan salah satu tempat yang utama bagi penyebaran ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam. Keadaan ini berterusan di sepanjang masa di seluruh pelosok rantau negara umat Islam.

Peranan institusi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu agama dapat dilihat melalui program kelas agama yang diadakan kepada masyarakat setempat. Namun begitu, sambutan masyarakat terhadap program kelas agama

* Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ph.D. adalah pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

di masjid-masjid adalah berbeza, kerana ianya mengalami keadaan pasang surut mengikut keadaan umat Islam pada satu-satu ketika dan tempat.

Fenomena yang berlaku di Malaysia hari ini mendapati program kelas agama di masjid merupakan salah satu aktiviti utama bagi setiap masjid. Namun di sesetengah masjid sambutannya agak kurang menggalakkan, kebanyakannya pelajarnya pula adalah orang yang sama dan amat sedikit pertambahan pelajar baru yang mengikutinya. Sedangkan kos yang banyak telah diperuntukkan oleh pihak masjid bagi menjayakan kelas agama tersebut, terutama untuk bayaran wang sagu hati tenaga pengajarnya. Sehubungan dengan itu timbul beberapa persoalan, antaranya ialah sejauh manakah keberkesanannya kepada mereka yang mengikuti pengajiannya?

KELAS AGAMA DI MASJID

Peranan institusi masjid sebagai pusat pendidikan telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w semasa hayat baginda lagi, kemudian ianya semakin berkembang pada zaman Khulafā' al-Rāsyidīn. Sistem pengajian di masjid pada waktu itu dikenali dengan istilah *ḥalaqah*, di mana Rasulullah s.a.w bersila di dalam masjid dan para sahabat mengelilingi beliau sambil mendengar ayat-ayat al-Qur'an yang dibacakan kepada mereka serta menanyakan sesuatu berkaitan hal-ehwal umat Islam.¹ Semasa pemerintahan Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb, baginda telah memerintah gabenor-gabenornya di Basrah, Kufah, Sham dan Mesir supaya membina masjid bagi tujuan ibadat, khususnya solat Jumaat, dan juga untuk diadakan majlis-majlis pengajian ilmu di dalamnya.²

Al-Suyūṭī (m.911H) meriwayatkan bahawa Masjid Ahmad bin Tulan merupakan salah sebuah pusat pengajian yang terkenal di Mesir. Antara pelajaran yang diajar di masjid tersebut ialah ilmu tafsir, hadis, fikah dalam empat mazhab, bacaan al-Qur'an (*qirā'at*) dan perubatan. Ianya merupakan sebuah masjid yang besar dan indah, di mana terdapat tempat penginapan di dalamnya berserta makan dan minum juga disediakan untuk orang yang bermusafir.³

Kelas agama yang diadakan di masjid pada hari ini lebih bersifat sebagai pusat pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Ini kerana ianya tidak

¹ Mustafa Daud (2001), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 205.

² Shalaby, Ahmad (1954), *History of Muslim Education*. Lebanon: Dār al-Khashshāf, h. 48.

³ Al-Suyūṭī (1968), *Husn al-Muḥādarah fi Tārikh Miṣr wa al-Qāhirah*, j. 2. Kaherah: 'Īsa al-Halabī al-Bābī, h. 138.

mempunyai kurikulum khusus dan tiada penilaian yang sistematik terhadap proses pembelajarannya. Di samping itu, kehadiran pelajar kelas agama tidak diwajibkan, ianya hanya terpulang kepada kemauan dalam setiap individu dan kelapangan masa yang ada.

Kelas agama di masjid juga lebih bersifat sebagai pusat pendidikan orang dewasa, kerana kebanyakan mereka yang menghadirinya terdiri daripada golongan dewasa dan mereka yang telah bersara. Menurut Mazanah Muhammad dan Carter, antara prinsip pembelajaran orang dewasa ialah mereka mempelajari sesuatu untuk memenuhi sesuatu keperluan terutamanya keperluan yang ada kepentingan segera. Keperluan pembelajaran orang dewasa mungkin boleh dilihat dalam bentuk apakah yang hendak dilakukan yang sebelum ini mereka tidak lakukan atau jika mereka telah lakukannya tetapi ianya tidak dapat dilakukan dengan sempurna.⁴ Dalam konteks kelas agama di masjid, golongan dewasa menghadiri kelas pengajian untuk memenuhi keperluan rohani mereka di samping untuk menambah ilmu pengetahuan bagi memperbaiki kualiti amal ibadat.

Dari aspek pengurusan, kelas agama di masjid biasanya dirancang dan diatur oleh pihak pengurusan masjid itu sendiri yang terdiri daripada pegawai dan ahli jawatankuasa masjid. Yaakob Abdul Rahim menjelaskan, pegawai masjid merupakan orang yang bertanggungjawab merancang dan mengurus segala program masjid supaya masjid benar-benar dapat berfungsi sebagai tempat pembangunan insan, agar dari usaha tersebut dapat membentuk generasi yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.⁵ Manakala ahli jawatankuasa masjid merupakan kuasa eksekutif pentadbiran masjid, maka segala keputusan mengenai pentadbiran dan pengurusan adalah di bawah tanggungjawab mereka. Pegawai masjid hanya sebagai pelaksana kepada segala keputusan yang telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa masjid.⁶ Oleh yang demikian, ahli jawatankuasa masjid sebenarnya merupakan kumpulan perancang dan pembuat keputusan terhadap sesuatu program yang hendak dilaksanakan oleh pihak masjid termasuklah kelas pengajian agama.

Kesimpulannya, dari huraian di atas dapatlah difahami bahawa kelas agama di masjid merupakan kelas pengajian yang membicarakan ilmu-ilmu

⁴ Mazanah Muhammad dan G.L. Carter (2000), *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 20.

⁵ Yaakob Abdul Rahim (1996), *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatan Kuasa*. Kertas Projek Sarjana Sains, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia, h. 37.

⁶ *Ibid.*, h. 35.

Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan sunnah, khususnya perkara-perkara mengenai akidah, ibadat dan akhlak. Kebiasaannya kelas agama di masjid diadakan selepas solat maghrib dalam bentuk *halaqah* iaitu para pelajar atau pendengar mengelilingi guru. Ianya juga lebih berkonseptan pendidikan secara tidak formal, pendidikan dewasa, dan pendidikan percuma yang tidak mengenakan bayaran pengajian kepada pelajarnya.

MASJID-MASJID DAERAH HULU LANGAT

Masjid yang terdapat di Daerah Hulu Langat mengikut senarai yang diperoleh dari Pejabat Agama Islam Kajang ialah sebanyak 41 buah. Menurut laporan tersebut sebanyak 23 buah masjid terlibat dengan program Takmir Masjid, bakinya 18 buah masjid lagi masih belum terlibat dengan program tersebut.⁷ Mohd Azlan Ishak menyatakan, masjid-masjid yang tidak terlibat dengan program Takmir Masjid bukanlah bermakna tiada kelas agama yang dijalankan. Ini kerana program Takmir Masjid merupakan program khas yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk masjid-masjid tertentu sahaja di seluruh Malaysia.⁸

Beliau menambah, kebanyakan masjid di Daerah Hulu Langat bersaiz sederhana yang dapat menampung lebih kurang 5,000 orang ahli jemaah dan sebahagiannya bersaiz kecil iaitu yang dapat menampung lebih kurang 3,000 orang ahli jemaah. Masjid-masjid yang bersaiz kecil biasanya terletak di lokasi kampung kerana ahli jemaahnya tidaklah begitu ramai. Di antara masjid yang utama di Daerah Hulu Langat ialah Masjid Jamek Pekan Kajang, Masjid Jamek Al-Hasanah Bandar Baru Bangi, Masjid Sungai Sekamat, Masjid Kariah Batu 10, Masjid Hj. Mat Saman Sg. Ramal Luar, Masjid Raja Muda Musa Semenyih, Masjid Raja Alang Beranang, Masjid Sultan Hishamuddin Pekan Hulu Langat dan Masjid Al-Ubudiah Tasik Tambahan.⁹

Menurut Ustaz Abdullah Man, sebahagian masjid di Daerah Hulu Langat telah dibina sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Ini kerana Daerah Hulu Langat telah lama diterokai oleh orang Melayu sebelum merdeka lagi. Sebahagiannya pula dibina selepas merdeka apabila penduduk semakin bertambah ramai. Sebagai contoh, Masjid Jamek Pekan Kajang yang

⁷ Laporan senarai masjid dan surau yang terlibat dengan takmir 2003, Pejabat Agama Islam, Kajang.

⁸ Temu bual dengan Mohd Azlan bin Ishak iaitu Penolong Pegawai Agama Islam di pejabatnya pada 23 Februari 2004.

⁹ *Ibid.*

merupakan masjid utama dan terbesar di Daerah Hulu Langat telah dibina pada tahun 1962M.¹⁰

Laporan kemajuan Daerah Hulu Langat bagi tahun 1966 - 1968 menyatakan, bahawa beberapa buah masjid telah siap dibina dalam tempoh tersebut. Masjid-masjid tersebut ialah:

- i. Masjid Sungai Sekamat, dengan perbelanjaan RM 55, 500.
- ii. Masjid Ayer Hitam, dengan perbelanjaan RM 25, 000.
- iii. Masjid Kampung Jawa, Hulu Langat, dengan perbelanjaan RM 19, 500.
- iv. Masjid Sungai Rinching Hilir, dengan perbelanjaan RM 25, 000.
- v. Masjid Rinching Hulu, dengan perbelanjaan sebanyak RM 25, 000.
- vi. Masjid Kuala Pajam, dengan perbelanjaan RM 15, 000.
- vii. Masjid Pekan Semenyih, dengan perbelanjaan RM 90, 000.¹¹

Kesimpulannya, pada hari ini masjid-masjid di Daerah Hulu Langat telah berkembang begitu pesat sekali, seiring dengan pertambahan penduduk dan kepesatan pembangunan di daerah tersebut. Ini membuktikan bahawa umat Islam di Daerah Hulu Langat mempunyai kesedaran yang tinggi akan kepentingan masjid sebagai satu institusi yang berperanan sebagai pusat pendidikan dan pembangunan rohani. Di samping itu, mereka juga sedar bahawa masjid mampu berperanan sebagai pusat untuk menyatupadukan masyarakat Islam setempat.

KELAS AGAMA DI MASJID DAERAH HULU LANGAT

Masjid-masjid di Daerah Hulu Langat telah berperanan dengan baik sebagai pusat pendidikan dan pusat pembangunan rohani. Oleh itu didapati kesemua masjid di Daerah Hulu Langat telah mengadakan program kelas agama untuk masyarakat setempat.

Mengenai aspek pengisian kelas agama di masjid Daerah Hulu Langat, kajian ini mendapati pengisian kelas agama di masjid-masjid adalah ilmu-ilmu agama yang bersumberkan al-Qur'an dan sunnah yang bertujuan untuk

¹⁰ Temu bual dengan Ustaz Abdullah bin Man, iaitu bekas kadi Kajang di rumahnya, pada 20 Jun 2004.

¹¹ Selangor (1969), *Negeri Selangor Tesur Bergerak: Tahun 1966-1968*. Selangor: Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Selangor, h. 163.

memantapkan akidah, memperbaiki kualiti ibadat dan akhlak. Di samping itu terdapat juga pengajian tajwid, bahasa Arab dan isu-isu semasa mengenai Islam. Secara keseluruhannya pengisian kelas agama di masjid Daerah Hulu Langat telah berjaya memenuhi keperluan dan cita rasa masyarakat setempat.

Manakala tenaga pengajar kelas agama di masjid Daerah Hulu Langat adalah mereka yang telah dipilih daripada kalangan mereka yang berkelayakan sama ada dari segi ketinggian ilmu mereka mahu pun kemahiran mereka dalam menyampaikan ilmu. Antara kaedah yang digunakan untuk memastikan mereka benar-benar berkelayakan ialah dengan memastikan mereka mempunyai tauliah dari pihak JAIS, ataupun mereka bertugas sebagai pensyarah universiti atau IPT dan juga mereka yang telah tersohor di kalangan masyarakat setempat tentang kemahiran mengajar dan ketinggian ilmu mereka. Manakala pelajar atau pendengar kelas agama pula, hasil kajian mendapati kebanyakan mereka terdiri daripada golongan dewasa dan warga tua sama ada lelaki atau wanita. Ini kerana kebanyakan mereka kurang sibuk dengan masalah keluarga dan anak-anak.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti keberkesanan kelas agama di masjid-masjid terhadap peningkatan ilmu pengetahuan masyarakat setempat yang menghadiri kelas tersebut.
- ii. Mengenal pasti keberkesanan kelas agama di masjid-masjid terhadap peningkatan amalan seharian masyarakat setempat yang menghadiri kelas tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggabungkan beberapa kaedah sebagai strategi untuk mendapatkan data iaitu temu bual, soal selidik dan pengamatan.

Temu bual terperinci melibatkan 9 informan yang terdiri daripada pegawai agama di Pejabat Agama Daerah Hulu Langat, AJK dan pengurus masjid yang terpilih. Informan dipilih dengan menggunakan pensampelan bertujuan. Teknik ini diguna untuk mendapat responden yang boleh member maklumat bersesuaian dengan objektif kajian. Temu bual telah dirakam melalui pita rakaman. Kemudian kandungan temu bual telah disusun semula kata demi kata.

Bagi mendapatkan responden untuk soal selidik, 9 buah masjid telah dari tiga lokasi yang berbeza sebagai sampel kajian iaitu 3 buah masjid di lokasi bandar, 3 buah masjid di lokasi pekan kecil dan 3 buah masjid di lokasi kampung berdasarkan kaedah rawak berlapis. Seramai 140 orang telah dipilih daripada mereka yang selalu mengikuti kelas agama di masjid, mereka dipilih secara rawak mudah. Cara pengagihannya ialah dengan melantik 8 orang pembantu dan pengkaji sendiri berperanan mengedarkan borang soal selidik tersebut.

Sebagai pelengkap kepada temu bual dan soal selidik, pengamatan juga telah digunakan oleh penyelidik. Ini kerana pengamatan adalah gambaran langsung yang didapati oleh penyelidik tanpa perantaraan orang tengah. Pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian, kerana temu bual hanyalah merupakan pengumpulan laporan kendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang penyelidik untuk membuat triagulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian.¹²

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 12.0. Kemudian data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menerangkan taburan kekerapan dan peratusan. Manakala data-data yang diperoleh tidak melalui soal selidik seperti temu bual dan pemerhatian juga dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong atau menghurai data soal selidik.

DAPATAN KAJIAN

1. Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan Ilmu

Dalam kajian ini, keberkesanan kelas agama dalam meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan pelajar atau pendengar kelas agama dinilai melalui empat perkara iaitu; peningkatan atau penambahan ilmu tentang akidah, akhlak, ibadat dan isu-isu semasa. Ini kerana perkara-perkara tersebut merupakan satu keperluan kepada masyarakat umum dan juga maklumat asasi yang sewajarnya diketahui oleh masyarakat Islam.

¹² Suseela Malakolunthu (2001), “Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan”, dalam Marohaini (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 126.

a) Ilmu Tentang Akidah

Jadual 1:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Ilmu Tentang Akidah

Ilmu Tentang Akidah	BB (%)	SB (%)	TB (%)	TP (%)
1. Tauhid uluhiyah dan rububiyah.	56 (40.0)	73 (52.1)	3 (2.1)	8 (5.7)
2. Sifat dua puluh.	55 (39.3)	63 (45.0)	12 (8.6)	10 (7.1)
3. Konsep qada' dan qadar.	63 (45.0)	63 (45.0)	11 (7.9)	3 (2.1)
4. Konsep kerasulan	60 (42.9)	59 (42.1)	10 (7.1)	11 (7.9)
5. Kehidupan selepas mati.	66 (47.1)	56 (40.0)	7 (5.0)	11 (7.9)

Nota:

BB (banyak bertambah), SB (sedikit bertambah),

TB (tidak bertambah), TP (tidak pasti).

b) Ilmu Tentang Ibadat

Jadual 2:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Ilmu Tentang Ibadat

Ilmu Tentang Ibadat	BB (%)	SB (%)	TB (%)	TP (%)
1. Masbuk dan muafik dalam solat.	57 (40.7)	68 (48.6)	12 (8.6)	3 (2.1)
2. Zakat harta.	56 (40.0)	59 (42.1)	18 (12.9)	7 (5.0)
3. Qada' dan fidyah dalam puasa.	52 (37.1)	64 (45.7)	16 (11.4)	8 (5.7)
4. Jual beli menurut Islam.	47 (33.6)	55 (39.3)	22 (15.7)	16 (11.4)
5. Cara melakukan umrah dan haji.	54 (38.6)	51 (36.4)	18 (12.9)	17 (12.1)

Nota:

BB (banyak bertambah), SB (sedikit bertambah),
TB (tidak bertambah), TP (tidak pasti).

Dalam jadual 2 di atas menunjukkan 40.7% daripada responden meyakini bahawa pengajian kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan terhadap pengetahuan mereka mengenai masbuk dan muafik dalam solat. Jadual 2 juga memaparkan bahawa 40.0% daripada responden merasai terdapat banyak perubahan dari segi pengetahuan mengenai zakat harta setelah mengikuti pengajian kelas agama di masjid.

Mengenai pengetahuan tentang qada' dan fidyah dalam puasa, jadual 2 menunjukkan bahawa 37.1% responden menyatakan kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan ilmu pengetahuan mengenainya kepada mereka. Hasil kajian juga mendapat 33.6% daripada responden kajian menyatakan mereka merasai banyak perubahan pengetahuan mengenai jual beli menurut Islam setelah menghadiri kelas agama. Seterusnya jadual 2 di atas juga menunjukkan bahawa 38.6% responden menyatakan mereka merasai banyak penambahan pengetahuan tentang haji dan umrah.

c) Ilmu Tentang Akhlak

Jadual 3:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Ilmu Tentang Akhlak

Ilmu Tentang Akhlak	BB (%)	SB (%)	TB (%)	TP (%)
1. Tanggungjawab terhadap pasangan (suami/isteri).	70 (50.0)	56 (40.0)	8 (5.7)	6 (4.3)
2. Tanggungjawab terhadap anak	71 (50.7)	54 (38.6)	9 (6.4)	6 (4.3)
3. Tanggungjawab terhadap ibu bapa.	76 (54.3)	51 (36.4)	9 (6.4)	4 (2.9)
4. Tanggungjawab terhadap jiran.	73 (52.1)	52 (37.1)	10 (7.1)	5 (3.6)
5. Tanggungjawab terhadap masyarakat.	69 (49.3)	48 (34.3)	13 (9.3)	10 (7.1)

Nota:

BB (banyak bertambah), SB (sedikit bertambah),
TB (tidak bertambah), TP (tidak pasti).

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 50.0% daripada responden kajian menyatakan bahawa kelas agama di masjid mampu memberi banyak penambahan pengetahuan mengenai tanggungjawab Muslim terhadap pasangan hidup (isteri/suami) masing-masing. Manakala 50.7% daripada responden merasai banyak berlaku penambahan pengetahuan mengenai tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak.

Mengenai aspek pengetahuan tentang tanggungjawab anak terhadap ibu bapa pula, jadual 3 di atas menunjukkan lebih separuh (54.3%) responden mengakui kelas agama di masjid telah memberi banyak penambahan ilmu yang menimbulkan kesedaran terhadap peranan seorang anak.

Adapun tanggungjawab terhadap jiran, jadual 3 menunjukkan lebih separuh (52.1%) responden merasai banyak bertambah ilmu mereka mengenainya. Tentang tanggungjawab terhadap masyarakat, jadual 3 juga memaparkan hampir separuh (49.3%) daripada responden beranggapan kelas agama telah memberi banyak penambahan ilmu mengenainya.

d) Ilmu Tentang Isu Semasa

Jadual 4:
Keberkesaan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Ilmu Tentang Isu Semasa

Ilmu Tentang Isu Semasa	BB (%)	SB (%)	TB (%)	TP (%)
1. Kepentingan pembelajaran dewasa.	66 (47.1)	46 (32.9)	11 (7.9)	17 (12.1)
2. Pendidikan anak-anak.	61 (43.6)	60 (42.9)	8 (5.7)	11 (7.9)
3. Kepentingan berdakwah.	57 (40.7)	57 (40.7)	12 (8.6)	(14 10.0)
4. Bahaya maksiat dalam masyarakat.	70 (50.0)	48 (34.3)	10 (7.1)	12 (8.6)
5. Keruntuhan akhlak remaja.	65 (46.4)	50 (35.7)	11 (7.9)	14 (10.0)

Nota:

BB (banyak bertambah), SB (sedikit bertambah),
 TB (tidak bertambah), TP (tidak pasti).

Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor

Jadual 4 menunjukkan 47.1% daripada responden meyakini bahawa pengajian kelas agama yang diadakan di masjid telah membawa banyak penambahan pengetahuan akan kepentingan pendidikan dewasa atau pendidikan sepanjang hayat. Manakala 43.6% daripada responden merasai banyak penambahan pengetahuan tentang pendidikan anak-anak menurut Islam.

Dalam jadual 4 juga memaparkan bahawa 40.7% daripada responden mengakui bahawa pengajian kelas agama telah memberi banyak penambahan pengetahuan tentang kepentingan berdakwah dalam masyarakat. Manakala 50.0% daripada responden menyatakan mereka telah mendapat banyak penambahan pengetahuan tentang kepentingan mencegah perkara-perkara yang mungkar dalam masyarakat. Tentang keruntuhan akhlak remaja masa kini, hasil kajian mendapati 46.4% daripada responden menyatakan, dengan mengikuti pengajian kelas agama di masjid telah memberi mereka banyak maklumat dan kesedaran akan bahaya mengenainya.

2. Keberkesanan Kelas Agama Dalam Amalan Seharian

Keberkesanan kelas agama juga dinilai melalui perubahan yang berlaku dalam amalan harian seseorang dari segi kualiti dan kuantiti, setelah membiasakan diri dengan mengikuti kelas pengajian tersebut. Dalam konteks kajian ini pengkaji hanya memilih lima perkara sebagai sampel untuk menilai keberkesanan kelas agama di masjid dalam membuat perubahan dalam amalan harian. Perkara-perkara tersebut ialah; perubahan dari segi ibadat, pengurusan kewangan menurut Islam, amalan berkasih sayang, amalan bertolong bantu, dan amalan mencegah kemungkaran.

a) Amal Ibadat

Jadual 4.5:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Amalan Ibadat

Amalan Ibadat	BB (%)	SB (%)	TP (%)
1. Solat berjemaah	92 (65.7)	38 (27.1)	10 (7.1)
2. Solat sunat	75 (53.6)	50 (35.7)	15 (10.7)
3. Puasa sunat	52 (37.1)	62 (44.3)	26 (18.6)

4. Membaca Al-Qur'an	72 (51.4)	62 (44.3)	6 (4.3)
----------------------	--------------	--------------	------------

Nota:

BB (banyak berbeza), SB (sedikit berbeza), TP (tidak pasti).

Dalam jadual 5 menunjukkan kebanyakan responden (65.7%) menyatakan, dengan menghadiri kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan dalam amalan solat secara berjemaah. Manakala perubahan dalam amalan solat sunat pula, kajian ini mendapati lebih separuh (53.6%) menyatakan mereka merasai perubahan yang banyak dalam amalan solat sunat. Mengenai amalan puasa sunat, 37.1% responden merasai mereka mendapat banyak perubahan terhadap amalan tersebut. Amalan membaca al-Qur'an pula menunjukkan bahawa lebih separuh (51.4%) daripada responden menyatakan mereka memperoleh banyak perubahan terhadap amalan tersebut.

b) Pengurusan Kewangan Menurut Islam

Jadual 4.6:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Pengurusan Kewangan Menurut Islam

Amalan Pengurusan Kewangan	BB (%)	SB (%)	TP (%)
1. Meninggalkan jual beli secara riba	54 (38.6)	47 (33.6)	39 (27.9)
2. Mengeluarkan zakat harta dan zakat perniagaan.	60 (42.9)	47 (33.6)	33 (23.6)
3. Menabung untuk haji dan umrah	46 (32.9)	68 (48.6)	26 (18.6)
4. Menderma kepada golongan fakir dan anak yatim	60 (42.9)	67 (47.9)	13 (9.3)

Nota:

BB (banyak berbeza), SB (sedikit berbeza), TP (tidak pasti).

Jadual 6 di atas menunjukkan 38.6% daripada responden mengakui dengan menghadiri kelas agama di masjid telah memberi banyak kesedaran dan perubahan kepada mereka untuk meninggalkan jual beli secara riba. Manakala 42.9% daripada responden kajian menyatakan bahawa dengan mengikuti pengajian kelas agama telah memberi banyak kesedaran dan perubahan dalam amalan menunaikan zakat.

Mengenai amalan menabung untuk menunaikan haji dan umrah, hasil kajian mendapati 32.9% responden menyatakan dengan mengikuti pengajian kelas agama telah menyebabkan berlaku banyak perubahan dalam amalan mereka menyimpan wang untuk kegunaan ibadat haji dan umrah. Tentang amalan menderma kepada golongan fakir miskin dan anak yatim pula, jadual 6 menunjukkan 42.9% daripada responden menyatakan mereka merasai terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam amalan membantu golongan tersebut setelah membiasakan diri mengikuti kelas agama di masjid.

c) Amalan Berkasih Sayang

Jadual 7:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Amalan Berkasih Sayang

Amalan Berkasih Sayang	BB (%)	SB (%)	TP (%)
1. Memberi salam sesama Muslim	81 (57.9)	49 (35.0)	10 (7.1)
2. Menziarahi saudara mara	78 (55.7)	51 (36.4)	11 (7.9)
3. Bertegur sapa dengan jiran	84 (60.0)	47 (33.6)	9 (6.4)
4. Bermesra dengan pasangan	82 (58.5)	32 (22.9)	26 (18.6)

Nota:

BB (banyak berbeza), SB (sedikit berbeza), TP (tidak pasti).

Dalam jadual 7 menunjukkan lebih separuh (57.9%) daripada responden berpendapat pengajian kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan dalam gaya hidup sebagai seorang Muslim dengan membudayakan amalan memberi salam apabila bertemu sesama Muslim. Manakala lebih separuh (55.7%) daripada responden beranggapan dengan menghadiri pengajian kelas agama telah membawa banyak perbezaan dari segi amalan menziarahi saudara mara jika dibandingkan dengan amalan tersebut sebelum ini.

Mengenai amalan bertegur sapa dengan jiran, jadual 7 menunjukkan 60% iaitu lebih separuh daripada responden menyatakan amalan tersebut telah banyak berubah dalam kehidupan mereka setelah mengikuti pengajian kelas agama di masjid. Tentang amalan bermesra dengan pasangan hidup pula, lebih separuh daripada responden (58.5%) beranggapan dengan mengikuti

pengajian kelas agama telah membawa banyak perubahan dalam amalan tersebut.

d) Amalan Bertolong Bantu

Jadual 8:
Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Amalan Bertolong Bantu

Amalan Bertolong Bantu	BB (%)	SB (%)	TP (%)
1. Membantu ibu bapa	87 (62.1)	36 (25.7)	17 (12.1)
2. Membantu anak/adik	68 (48.6)	40 (28.6)	32 (22.9)
3. Membantu rakan-rakan	58 (41.4)	55 (39.3)	27 (19.3)
4. Bergotong-royong sesama ahli masyarakat	73 (52.1)	58 (41.4)	9 (6.4)

Nota:

BB (banyak berbeza), SB (sedikit berbeza), TP (tidak pasti).

Dalam jadual 8 menunjukkan lebih separuh (62.1%) daripada responden berpendapat dengan mengikuti pengajian kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan dalam amalan membantu ibu bapa mereka. Manakala hampir separuh (48.6%) daripada responden beranggapan dengan menghadiri pengajian kelas agama telah membawa banyak perbezaan dari segi amalan membantu anak-anak dalam menyiapkan kerja-kerja mereka, terutamanya kerja rumah yang diberi oleh guru di sekolah

Mengenai amalan membantu rakan-rakan, 41.4% daripada responden menyatakan dengan mengikuti kelas pengajian agama di masjid telah menyebabkan berlaku banyak perubahan dalam amalan membantu rakan-rakan dalam kehidupan mereka. Tentang amalan bergotong-royong sesama ahli masyarakat pula, jadual 8 menunjukkan bahawa 52.1% iaitu lebih separuh daripada responden beranggapan dengan mengikuti pengajian kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan dalam amalan tersebut.

e) Amalan Mencegah Kemungkaran

Jadual 9:

**Keberkesanan Kelas Agama Dalam Meningkatkan
Amalan Mencegah Kemungkaran**

Amalan Mencegah Kemungkaran	BB (%)	SB (%)	TP (%)
1. Memastikan anak/rakan tidak meninggalkan sembahyang.	74 (52.9)	53 (37.9)	13 (9.3)
2. Menasihati pelajar yang ponteng sekolah	51 (36.4)	56 (40.0)	33 (23.6)
3. Menasihati orang dibawah tanggungan/rakan yang mendedahkan aurat.	55 (39.3)	50 (35.7)	35 (25.0)
4. Menegur pasangan remaja berdua-duaan tanpa ikatan perkahwinan berasmara.	41 (29.3)	50 (35.7)	49 (35.0)

Nota:

BB (banyak berbeza), SB (sedikit berbeza), TP (tidak pasti).

Dalam jadual 9 di atas menunjukkan lebih separuh (52.9%) daripada responden menyatakan, dengan menghadiri kelas agama di masjid telah membawa banyak perubahan dalam tindakan mereka menasihati anak atau rakan supaya tidak meninggalkan sembahyang.

Mengenai amalan menasihati pelajar yang ponteng sekolah, 36.4% daripada responden menyatakan mereka merasai perubahan yang ketara dalam amalan menasihati pelajar yang ponteng sekolah. Manakala amalan menasihati orang di bawah tanggungan atau rakan yang mendedahkan aurat, jadual 9 menunjukkan 39.3% daripada responden merasai banyak perubahan kepada mereka dalam amalan tersebut. Amalan menegur pasangan remaja berdua-duaan tanpa ikatan perkahwinan berasmara di khalayak ramai pula menunjukkan, 29.3% daripada responden menyatakan mereka memperoleh banyak perubahan terhadap amalan tersebut setelah mengikuti kelas pengajian agama di masjid.

KESIMPULAN

Hasil kajian mengenai keberkesanannya kelas agama di Masjid Daerah Hulu Langat dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- i. Kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat telah dapat memberi sumbangan yang banyak dalam memantapkan akidah dan memperbaiki kualiti ibadat masyarakat Islam setempat.
- ii. Kelas agama di masjid telah berjaya meningkatkan pengetahuan pendengarnya terutama dari aspek nilai akhlak yang baik. Di samping itu mereka dapat memahami dengan lebih jelas lagi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan.
- iii. Majoriti responden mengakui program kelas agama banyak memberi peningkatan ilmu pengetahuan mereka tentang isu semasa, terutama mengenai kepentingan menuntut ilmu; pendidikan anak-anak; kepentingan berdakwah; bahaya maksiat dalam masyarakat dan gejala keruntuhan akhlak remaja.
- iv. Kelas agama di masjid berupaya menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat yang menghadirinya tentang bagaimana menguruskan kewangan menurut cara Islam. Mereka juga mula memahami betapa perlunya mereka meninggalkan jual beli secara riba dan kewajipan mereka untuk mengeluarkan zakat harta serta zakat perniagaan.
- v. Hasil kajian ini juga membuktikan program kelas agama di masjid berjaya dalam meningkatkan amalan berkasih sayang sesama Islam. Seperti amalan memberi salam sesama Muslim, amalan ziarah-menziarahi, bertegur sapa sesama jiran dan amalan yang menambahkan kemesraan dengan pasangan masing-masing.
- vi. Kelas agama di masjid juga ternyata telah memberi kesedaran kepada pendengarnya tentang kepentingan amalan bantu membantu di kalangan masyarakat, serta kepentingan amalan mencegah kemungkarahan.